

Kepada : Semua Warga MAMPU
Daripada : Datuk Seri Dr. Yusof Bin Ismail
Ketua Pengarah MAMPU
Tarikh : 31 Januari 2022
Ruj. Kami : MAMPU.100-6/1/29 (31)

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PEMBATALAN ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH (APKP) MAMPU BILANGAN 2 TAHUN 2020: PELAKSANAAN STRATEGI KAWALAN PENGURUSAN PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN LATIHAN DI MAMPU, JPM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan sedia maklum, **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah (APKP) MAMPU Bilangan 2 Tahun 2020: Pelaksanaan Strategi Kawalan Pengurusan Pentadbiran, Kewangan dan Latihan di MAMPU, JPM** telah menetapkan langkah-langkah tertentu untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan bagi memastikan perbelanjaan awam diuruskan secara berhemah bagi tahun kewangan 2020. Melalui arahan ini, strategi kawalan pengurusan pentadbiran dan kewangan yang digariskan mencakupi aspek pengurusan bajet, tatacara perolehan Kerajaan, pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan dan lain-lain strategi kawalan di MAMPU.

3. Walau bagaimanapun, APKP tersebut didapati tidak lagi sesuai memandangkan arahan ini merujuk kepada Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2020 Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang telah digantikan dengan Arahan Pegawai Pengawal Menteri JPM Tahun 2021 dan Arahan Pegawai Pengawal ini akan berganti baharu setiap tahun kewangan. Selain itu, arahan ini turut merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Pengurusan Belanjawan PP PB 1.2 – Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 yang telah diganti dengan keluaran terbaharu setiap awal tahun kewangan oleh Kementerian Kewangan.

4. Dalam perkara ini, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan dan Pemantauan Dasar (JPPD) MAMPU Bilangan 4 Tahun 2021 pada 17 Disember 2021, dimaklumkan bahawa Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah (APKP) MAMPU Bilangan 2 Tahun 2020: Pelaksanaan Strategi Kawalan Pengurusan Pentadbiran, Kewangan dan Latihan di MAMPU, JPM adalah **dibatalkan**.
5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan mengenai keputusan pembatalan APKP tersebut amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL)